

1. Raja Mongkut

- a. melantik 80 penasihat Barat untuk mengetuai pelbagai jabatan
- b. melatih pegawai-pegawai tempatan
- c. penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dibawa dari Britain
- d. penasihat kastam dibawa dari Amerika Syarikat
- e. penasihat ketenteraan dibawa dari Perancis

2. Raja Chulalongkorn

- a. memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat Tertinggi dan Kabinet Menteri
- b. melantik juruaudit dari Britain untuk berkhidmat dalam perbendaharaan negara

3. Jose Rizal

- a. bergerak cergas dalam politik melalui gerakan dakyah semasa di Sepanyol
- b. nasionalis yang sederhana
- c. berjuang melalui
 - i. akbar *La Solidaridad*
 - ii. novel *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo*
 - iii. Liga Filipina yang ditubuhkan pada 1892
- d. Novel *Noli Me Tangere*
 - i. mencetuskan gerakan nasionalisme di Filipina
 - ii. menjadi inspirasi terhadap gerakan nasionalisme di Asia Tenggara
- e. mempunyai pengaruh yang kuat
- f. disokong oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat
- g. menubuhkan Liga Filipina apabila tuntutan tidak dilayan. Tujuan Liga Filipina adalah untuk mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial. Tuntutan Jose Rizal dan rakyat Filipina ialah
 - i. bangsa Filipina diberikan hak yang sama seperti bangsa Sepanyol
 - ii. Filipina dijadikan wilayah Sepanyol
 - iii. bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara
- h. Sepanyol berasa terancam lalu menangkap Jose Rizal dan dia dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao.
- i. Dia dikenakan hukuman bunuh atas tuduhan terlibat dalam gerakan pemberontakan

4. Mahatma Gandhi

- a. berjuang menentang British di India
- b. memberi inspirasi kepada nasionalis di negara-negara Asia Tenggara
- c. nasionalis bersikap sederhana
- d. memperjuangkan pembelaan terhadap rakyat dan kemerdekaan
- e. menggunakan strategi enggan bekerjasama dengan penjajah dan mogok lapar
- f. pernah ditangkap dan dipenjarakan oleh British

5. Raden Adjeng Kartini

- a. berusaha memajukan pendidikan untuk kaum wanita
- b. karya mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan oleh penjajah Belanda

- i. *Habis Gelap Terbitlah Terang dan Penulisan Seorang Puteri Jawa*
- c. perjuangannya telah memberikan inspirasi kepada pejuang-pejuang selepasnya untuk menubuhkan pertubuhan yang lebih tersusun

6. Soekarno

- a. menubuhkan dan memimpin Parti Nasional Indonesia (PNI) pada 1927 yang begitu popular kerana perjuangannya dapat mempengaruhi rakyat Indonesia
- b. ditangkap oleh Belanda yang terdesak kerana Soekarno merupakan pejuang yang radikal
- c. dibuang ke Flores (Indonesia) pada 1934
- d. mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945
- e. menjadi Presiden Indonesia yang pertama pada 1949

7. Ho Chi Minh

- a. pemimpin Parti Komunis Vietnam (PKV)
- b. melarikan diri ke Hong Kong kerana kekerasan Perancis
- c. mengisytiharkan kemerdekaan Vietnam pada 2 September 1945
- d. menjadi Presiden Vietnam Utara

8. Aung San

- a. pemimpin Parti Dobama Asiayone pada 1935 untuk menuntut kemerdekaan bersama-sama dengan Kyaw Nein dan U Nu.
- b. aktif dalam gerakan Blok Pembebasan yang menuntut kemerdekaan
- c. mengetuai Liga Pembebasan Rakyat Anti-Fasis kerana kecewa dengan sikap Jepun
- d. mengetuai rombongan kemerdekaan dan menubuhkan kerajaan baru Burma

9. Mat Salleh

- a. nama sebenarnya ialah Mohammad Salleh bin Datu Balu.
- b. berketurunan Suku Sulu Paitan
- c. pemerintah daerah Tambunan dan Sungai Sugut
- d. Kronologi penentangan Mat Salleh
 - i. pihak SBUB tidak menghiraukan kedudukan Mat Salleh dengan menduduki kawan pengaruh Mat Salleh
 - ii. pihak SBUB turut melaksanakan sistem cukai kepala dan surat perahu
 - iii. pegawai-pegawai itu bersifat kasar kepada penduduk tempatan
 - iv. Pada 1895, Mat Salleh telah ke Sandakan untuk berbincang dengan SBUB tetapi tidak dilayan. Sebaliknya, Gabenor Beaufort telah menyerang dan membakar kampungnya. Mat Salleh terpaksa melarikan diri.
 - v. 1897, Mat Salleh dan pengikutnya melakukan serangan mengejut terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya. Ekoran itu, SBUB telah menawarkan pelan damai kepada Mat Salleh iaitu menyerahkan Tambunan kepadanya.
 - vi. Namun, SBUB mungkir janji dan menyebabkan Mat Salleh menyerang kubu SBUB sekali lagi. Serangan ini dibalas oleh SBUB dengan menyerang kubu Mat Salleh. Mat Salleh tewas dan meninggal dunia pada

31 Januari 1900.

10. Rentap

- a. pemimpin Iban
- b. bermaksud 'penggoncang dunia'
- c. nama sebenar beliau ialah Libau
- d. berasal dari Hulu Skrang
- e. bergelar Raja Darat atau Raja Ulu
- f. menentang James Brooke pada 1853 kerana bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap sebagai lanun
- g. Rentap serang pasukan James Brooke di Kubu Nanga Skrang bagi menghalang kezaliman James Brooke di daerah itu
- h. Rentap dan pengikutnya berjaya mengusir James Brooke tetapi tentera James Brooke bertindak membakar kampung mereka.
- i. Rentap dan pengikutnya berundur ke Bukit Sadok namun sekali lagi mereka diserang oleh James Brooke.
- j. 1861, tentera James Brooke berjaya mengalahkan Rentap. Rentap terpaksa berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangannya semakin lemah.

11. Syarif Masahor

- a. Gabenor Sarikei yang dilantik oleh Sultan Brunei
- b. sangat dihormati oleh orang Iban dan Melanau
- c. 1857, menolak penguasaan James Brooke di wilayahnya iaitu Sungai Rajang. Hal ini disebabkan beliau kehilangan kuasa mengutip cukai dan pengaruh terhadap penduduk tempatan.
- d. 1858, James Brooke membina sebuah kubu di Kanowit. Syarif Masahor telah menyerang kubu itu. Beliau dan Datu Patinggi Abdul Gapur kemudian menyerang James Brooke di Kuching namun gagal.
- e. Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi beliau telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura.

12. Dato Maharajalela

- a. nama sebenarnya ialah Pandak Limo bin Machang Lela Tok Mahmud.
- b. pembesar kelapan Perak dengan gelaran Orang Kaya-Kaya Maharaja Lela Tun Jana Putra
- c. Urutan peristiwa penentangan terhadap J.W.W Birch

<u>Tarikh</u>	<u>Peristiwa</u>
20 Januari 1874	Perjanjian Pangkor ditandatangani oleh Sultan Abdullah dan Sir Andrew Clarke.
Februari 1875	Bantahan terbuka oleh Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan pembesar Melayu Perak yang lain terhadap campur tangan British. Dato' Maharaja Lela membuat kubu di Pasir Salak.

21 Julai 1875	Mesyuarat antara Dato' Maharaja Lela dengan pembesar-pembesar Melayu di Durian Sebatang menentang undang-undang British.
12 September 1875	Dato' Maharaja Lela bersetuju mengambil tanggungjawab membunuh J.W.W. Birch selepas bermesyuarat dengan Sultan Abdullah dan para pembesar lain di Belanja. Sultan Abdullah memberitahu Sultan Ismail tentang rancangan tersebut.
31 Oktober 1875	Walaupun Dato' Maharaja Lela melakukan penentangan terhadap British, namun Sultan Abdullah terpaksa menyerahkan Perak kepada British. Mat Arshad, orang suruhan British, dibunuh oleh penduduk tempatan semasa menampal poster cukai di Pasir Salak.
2 November 1875	Pembunuhan J.W.W. Birch oleh Seputum, Pandak Lam dan lain-lain lagi atas arahan Dato' Maharaja Lela di Sungai Perak, Pasir Salak.
13 November 1875	Pihak British dengan 500 orang tenteranya melancarkan serangan terhadap Pasir Salak dan kawasan-kawasan yang terlibat. Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor melarikan diri ke Kota Lama.
20 November 1875	Perbicaraan diadakan di Matang, Perak. Hakimnya ialah Raja Idris manakala penasihat perbicaraan ialah Frank Swettenham. Dato' Maharaja Lela bersama-sama Dato' Sagor, Pandak Lam, Seputum dan Pandak Indut dijatuhi hukuman gantung. Sultan Ismail dibuang negeri ke Johor. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar dan Laksamana pula dibuang negeri ke Pulau Seychelles. Dengan itu, Perak dapat dikuasai sepenuhnya oleh British.

13. Tok Janggut

- nama sebenar Haji Mat Hassan bin Munas
- mendapat pendidikan agama di Makkah
- mahir dalam ilmu persilatan
- membantah pelaksanaan Sistem Penasihat British dan enggan membayar cukai namun tidak dilayan Pegawai Daerah Pasir Puteh.
- Sebaliknya, pihak polis telah diarahkan untuk menangkap Tok Janggut tetapi gagal.
- 1915, Engku Besar Jeram, Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said, Che Ishak serta rakyat tempatan bersetuju menyerang Pasir Puteh dan mereka berjaya mendudukinya.
- Sebuah kerajaan telah dibentuk dengan Engku Besar Jeram sebagai Raja, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan Che Ishak sebagai Pegawai Daerah.
- Dengan menggunakan nama Sultan Kelantan, British telah membawa masuk pasukan tentera dari Negeri Selat dengan Kapal Perang H.M.S. Cadmus yang mendarat di Tumpat.

- i. Mei 1915, British memulakan serangan di Saring. Serangan yang tersusun dan penggunaan senjata yang lebih moden telah melumpuhkan perjuangan Tok Janggut dan pengikutnya. Tok Janggut malah telah terkorban dalam serangan itu dan mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu sebelum digantung di pasar dalam keadaan kepala di bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat tempatan yang berani menyerang British.

14. Dato Bahaman

- a. Sebab-sebab penentangan :
 - i. menolak pelaksanaan undang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan seperti sistem kehakiman, pemungutan hasil tanah, cukai dan penubuhan pasukan polis luar.
 - ii. undang-undang British menghakis kuasa Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.
- b. Peristiwa penentangan :
 - i. 1890, penentang pembinaan Balai Polis Lubuh Terua, kawasan pengaruhnya.
 - ii. 1891, menyerang British kerana menangkap anak buahnya.
 - iii. 1892, menyerang dan menawan semula Lubuk Terua.
 - iv. 1894, menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.
 - v. 1895, akibat tekanan British, Dato Bahaman berundur ke Kelantan.
 - vi. Mendapat perlindungan daripada penduduk dan pembesar Terengganu dan Kelantan.
 - vii. Dato Bahaman menetap di Hulu Kelantan.
 - viii. Tok Gajah dan keluarganya menetap di Hulu Terengganu.
 - ix. 1896, Dato Bahaman berpindah ke Bangkok dan diberikan perlindungan politik oleh Raja Chulalongkorn.
 - x. Beliau menetap di Chieng Mai diberikan wang sara hidup sebanyak 1000 baht dan meninggal dunia di sana.

15. Yam Tuan Antah Sri Menanti

- a. menentang kemasukan British di Sungai Ujong
- b. Sebab-sebab penentangan
 - i. British menduduki Sungai Ujong
 - ii. British menyokong Dato Kelana menduduki Terachi dan Paroi
 - iii. British menawan Bukit Putus, Jempul dan Terachi
 - iv. 1888, Yam Tuan Antah menandatangani perjanjian damai

16. Dato Syahbandar Abdullah Tunggal

- a. menentang kemasukan British di Sungai Ujong
- b. enggan menandatangani perjanjian dengan British pada 21 April 1874.
- c. turut menentang Dato' Kelana Sungai Ujong iaitu Syed Abdul Rahman yang mempelawa British untuk campur tangan dalam pertikaian mereka. Mereka berebut kawasan sempadan untuk mengenakan cukai kepada pedagang bijih timah dari NNS.
- d. Dengan kerjasama British, Dato Kelana Syed Abdul Rahman berjaya

mengalahkan Dato Syahbandar Abdullah Tunggal untuk menguasai Sungai Ujong.

- e. Dato Syahbandar Abdullah Tunggal terpaksa berundur ke Selangor. Walau bagaimanapun, beliau kembali ke Sungai Ujong dan menandatangani perjanjian dengan British pada 10 November 1874.
- f. Dato Syahbandar bersetuju meletakkan jawatan dan berhijrah ke Singapura.
- g. Dengan itu, Dato Kelana Syed Abdul Rahman dapat menguasai seluruh Sungai Ujong tetapi tertakluk di bawah penguasaan British.

17. Haji Abdul Rahman Limbong

- a. nama sebenar Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid.
- b. mendapat gelaran Limbong kerana beliau mengajar agama di Limbong, Kemaman, Terengganu.
- c. Sebab-sebab penentangan:
 - i. menentang British kerana tidak puas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah British yang diperkenalkan kepada orang tempatan
- d. Peristiwa penentangan:
 - i. Julai dan Ogos 1922, Haji Abdul Rahman Limbong mengetuai penduduk kampung membersihkan tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan undang-undang tanah British.
 - ii. Mei 1925, 300 orang penduduk kampung telah berkumpul dan membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah ibn Sultan Zainal Abidin III.
 - iii. Hal ini membimbangkan British tetapi dengan jasa baik Tengku Nik mereka dapat disuraikan.
 - iv. Mei 1928, penduduk tempatan melancarkan penentangan bersenjata terhadap British kerana terlalu marah.
 - v. Kumpulan yang menyerang bangunan kerajaan di Kuala Berang telah berjaya mendudukinya.
 - vi. Kumpulan di Kuala Telemong pula bersiap sedia menunggu arahan untuk menentang British.
 - vii. Dengan menggunakan kuasa dan nama Sultan Terengganu, British telah menghantar 3 pembesar yang membawa perintah sultan untuk menawan semula Kuala Berang serta menangkap dan memburu sesiapa sahaja yang menghalangnya.
 - viii. Sepasukan polis 25 orang telah serang Kuala Telemong dan berjaya menumpaskan kebangkitana penduduk tempatan dengan mengorbankan 11 orang.
 - ix. Haji Abdul Rahman Limbong diserang oleh 50 polis, ditahan dan dibuang negeri ke Makkah.

18. Ishak Haji Muhammad

- a. dikenali sebagai Pak Sako
- b. karyanya
 - i. Anak Mat Lela Gila
 - 1. semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan

2. menghargai warisan bangsa sendiri
 3. mencintai tanah air
 4. menolak kesenangan demi maruah bangsa
- ii. Putera Gunung Tahan
1. semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga msruah bangsa
 2. mencintai tanah air
 3. berasa bangga dengan keboleh sendiri
 4. seorang gadis tempatan yang menolak cinta pegawai penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa

19. Harun Aminurrashid

- a. Karyanya
- i. Melor Kuala Lumpur
1. emansipasi atau kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupannya
 2. wanita yang mementingkan pendidikan moden untuk kebaikan dirinya
 3. membuang pandangan negatif yang boleh menghalang kemajuan bangsa

20. Ibrahim Haji Yaakob

- a. pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KKM)
- b. wartawan akhbar Majlis di Kuala Lumpur